

**NO SOALAN :357****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)****PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan proses kutipan @ SOP Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) seluruh negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, GST yang merupakan cukai kepenggunaan dikenakan di setiap peringkat rangkaian ekonomi. GST akan dikenakan oleh peniaga yang berdaftar GST dan komponen GST berkenaan dimasukkan ke dalam harga untuk dibayar semasa pembelian dibuat oleh pengguna. Peniaga perlu meremit atau menyerahkan GST yang telah dikutip kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan tempoh bercukai sama ada bulanan, tiga bulan sekali atau lain-lain tempoh bercukai yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam. GST yang diremit perlu diikrar dengan

menggunakan Penyata GST-03 dan penyata ini boleh dihantar sama ada secara *online* melalui *Taxpayer Access Point* (TAP) ataupun secara manual dengan menggunakan perkhidmatan pos atau serahan tangan. Bagi memudahkan peniaga, pelbagai pilihan kaedah pembayaran GST telah disediakan termasuklah pembayaran *over the counter*, *cheque deposit machine*, *online banking*, *direct debit* dan juga dengan penggunaan cek. Resit bagi setiap penyerahan atau kutipan GST oleh peniaga hendaklah dikeluarkan oleh JKDM kepada peniaga melalui sistem TAP, manakala pembeli juga hendaklah meminta resit pembelian yang menunjukkan adanya GST yang dikenakan atau sebaliknya. Pengguna hendaklah memperolehi resit pembelian supaya harga yang dikenakan adalah berpatutan dan telus selaras dengan keperluan di bawah Akta GST 2014 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Kaedah penyimpanan rekod yang menyeluruh oleh pengguna dan peniaga menjamin hak pengguna serta sumbangan hasil kepada Kerajaan untuk membiayai pembangunan negara yang kekal berdaya saing.

RT22/358

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**  
**DARIPADA** [KUALA KRAI]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha mengurangkan nisbah antara guru-guru dan murid- murid di seluruh sekolah di negara ini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dikeluarkan pada tahun 2011 menyatakan bahawa faktor nisbah purata di antara guru dan murid telah diambil kira. Pada masa itu terdapat 92 peratus sekolah rendah dan 88 peratus sekolah menengah mempunyai saiz kelas yang kurang daripada 35 orang murid iaitu bersamaan dengan 1:15. Situasi ini menggambarkan bahawa keadaan nisbah guru-murid adalah bersesuaian dan bertepatan dengan kadar nisbah OECD iaitu 1:16. Walau bagaimanapun, faktor-faktor selain daripada nisbah guru-murid turut menyumbang kepada kompleksiti tugas guru dan ianya perlu dilihat secara holistik.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melihat dan mengkaji kesesuaian nisbah tersebut mengambil kira keperluan semasa. KPM sedang mempertimbangkan beberapa cadangan berkaitan Sekolah Kurang Murid (SKM) sama ada untuk menyuraikan, menggabungkan SKM yang sama aliran dalam radius 5KM hingga 10KM, memindahkan ke lokasi baharu atau mewujudkan kelas bercantum. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut perlu diperhalusi oleh KPM, serta tertakluk kepada persetujuan ibu bapa. Sekiranya cadangan-cadangan tersebut berjaya dilaksanakan, kadar nisbah guru murid dapat ditingkatkan.

RT22/358